

USIM berpotensi peringkat global

NILAI 25 Nov. - Kementerian Pengajian Tinggi percaya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berpotensi memainkan peranan di peringkat global sekiranya ia membuka pintu yang lebih luas kepada umat Islam di seluruh dunia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, perkara itu boleh dicapai kerana umat Islam sudah terbukti sanggup mengembara untuk mencari ilmu sewaktu kegemilangan pusat-pusat tamadun seperti Andalusia, Baghdad dan Damsyik satu ketika dahulu.

"USIM perlu menonjolkan dirinya sebagai sebuah institusi pendidikan untuk negara Islam lain dengan menjadikan peluang belajar di universiti ini tidak terhad kepada rakyat Malaysia sahaja.

"Kedudukan dan peranan USIM boleh dibantu dengan kehadiran beberapa universiti lain seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Antarabangsa Al-Medina dan Institut Latihan Kewangan Islam (Inceif) yang akhirnya menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan ilmu bagi negara Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Kampus Tetap USIM yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

USIM yang merupakan universiti awam ke-12 ditubuhkan di negara ini mempunyai lapan fakulti yang menampung 4,204 pelajar sepenuh masa termasuk 93 pelajar asing.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamed Khaled berkata, USIM sebagai sebuah gedung ilmu yang memiliki dan melahirkan cendekiawan dan intelektual Islam wajar melibatkan diri dalam aktiviti kajian dan penyelidikan untuk mencari penyelesaian kepada isu sejagat seperti krisis ekonomi dan kewangan.

Katanya, kelebihan itu perlu dimanfaatkan USIM untuk menyelesaikan masalah tersebut mengikut perspektif Islam.

"Peranan ini diharap menjadi sumbangan Malaysia kepada Islam untuk pembangunan sejagat.

"Sebagai Menteri Pengajian Tinggi, adalah menjadi harapan saya agar USIM dapat melaksanakan tanggungjawab ini sebaik mungkin," katanya.